

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IX)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

15. Sistem Saliran dan Perparitan di sekitar kawasan George Town:

- (a) Sila senaraikan kerja-kerja menaik taraf sistem saliran dan perparitan yang telah dijalankan di sekitar George Town sejak tahun 2008.
- (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap sistem saliran dan perparitan yang usang di sekitar kawasan George Town?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

- 15. (a) Senarai kerja-kerja menaik taraf sistem saliran dan perparitan yang telah dijalankan di sekitar George Town sejak tahun 2008 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) setiap tahun akan menyediakan peruntukan untuk menaik taraf dan menyelenggara sistem perparitan yang berada di bawah kuasanya di kawasan George Town. Peruntukan ini terbahagi kepada dua iaitu:-

- (i) Peruntukan penyelenggaraan parit menggunakan peruntukan MARRIS berjumlah RM1 juta setahun. Peruntukan ini digunakan untuk menyelenggara parit di sepanjang jalan yang telah didaftarkan dalam sistem MARRIS; dan
- (ii) Peruntukan menaik taraf parit dan sistem saliran menggunakan peruntukan MBPP dan Kerajaan Negeri. Peruntukan ini digunakan untuk menyelenggara sistem saliran bagi menyelesaikan masalah banjir kilat dan menaik taraf struktur parit yang telah using dan rosak. Projek-projek yang sedang dan akan dijalankan menggunakan peruntukan ini adalah seperti di **Lampiran B**.